

Angka Giliran : \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2003/2004

April 2004

**JKE 317/318 – Perdagangan Antarabangsa**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di atas buku soalan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

...2/-



Soalan 1 (15 markah)

Apakah yang dimaksudkan dengan kesan pertumbuhan '*immiserizing*' ke atas perdagangan sesebuah negara? Adakah jenis pertumbuhan ini menguntungkan masyarakat negara tersebut?

## Soalan 2 (12 markah)

- (a) Jelaskan maksud kadar perlindungan tarif berkesan.

(4 markah)

- (b) Kadar perlindungan tarif berkesan (e) boleh dihitungkan berasaskan persamaan yang berikut:

$$e = [t - a \cdot t_i] \div [1 - a]$$

t ialah kadar tarif terhadap barang akhir

$t_i$  ialah kadar tarif terhadap input pertengahan

a ialah nisbah kos input pertengahan kepada kos barang akhir tanpa tarif


Berasaskan maklumat dalam jadual di bawah, dapatkan kadar perlindungan tariff berkesan (e) untuk barang A, B dan C. Barang manakah harus anda keluarkan sekiranya anda ingin mendapat perlindungan yang tertinggi. Jelaskan.

Barangan	t	$t_i$	a
A	30%	30%	0.2
B	30%	20%	0.2
C	20%	30%	0.2

(8 markah)

## Soalan 3 (13 markah)

Rajah yang berikut menunjukkan pasaran barang X di sebuah negara kecil yang telah mengenakan tarif terhadap import barang X pada kadar ws seunit. Apakah kehilangan bersih yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat negara itu? Terangkan.



...5/-

## Soalan 4 (20 markah)

Terangkan dan lukiskan graf yang menunjukkan kesan penggunaan, pengeluaran dan jumlah impot pasaran Y hasil daripada tarif impot dan kesan subsidi pengeluaran. Polisi manakah yang lebih efisyen jika objektif kerajaan adalah untuk mengalakkan pengeluaran domestik barang Y?

Soalan 5 (24 markah)

Terangkan perbezaan diantara:

- (a) cukai eksport dan menghadkan eksport secara sukarela (VER)

(8 markah)

(b) Teorem Stolper-Samuelson dan Teorem Rybczynski

(8 markah)

(c) Kesan alihan dan ciptaan dagangan hasil daripada kesatuan kastam

(8 markah)

## Soalan 6 (16 markah)

Pada tahun 2005 industri kereta akan dimasukkan dalam AFTA (ASEAN Free Trade Area). Secara teori jika kerajaan Malaysia tidak mengambil apa-apa langkah selanjutnya, terangkan kesan ke atas penggunaan, pengeluaran dan harga domestik pasaran kereta di Malaysia? Lukiskan graf yang menunjukkan keuntungan yang akan dinikmati oleh masyarakat Malaysia. Dalam keadaan sebenar, apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh kerajaan untuk melindungi industri tersebut pada 2005?